

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SARINGAN KESIHATAN PERKESO  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

18/02/2013

FREESCALE SEMICONDUCTOR MALAYSIA SDN BHD NO.2 JALAN SS8/2, FREE  
INDUSTRIAL SUNGAI WAY

Bismillahirrahmanirrahim,  
YB Senator Datuk Maznah Mazlan  
Timbalan Menteri Sumber Manusia

YBhg Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Sumber Manusia

YBhg Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid  
Pengerusi Lembaga Pengarah PERKESO

YBhg Tan Sri Dato' Azman Shah Dato Seri Harun  
Presiden Persatuan Majikan-Majikan Malaysia

Encik Khalid Atan  
Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

Mr.Soo Teck Lai  
Pengarah Urusan,  
Freescale Semiconductor Sdn Bhd

YBhg Dato' K.Selvarajah  
Ketua Eksekutif PERKESO

Ketua-ketua Jabatan Kementerian Sumber Manusia, Pegawai-pegawai Kanan PERKESO,  
pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, badan-badan NGO, pihak Media, para pekerja, dan  
seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah yang Maha Esa, kerana dengan izin dan inayahnya dapat kita  
bersama-sama di Majlis yang bermakna pada petang ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Kementerian  
Sumber Manusia dan PERKESO di atas kesudian menjemput saya ke majlis pelancaran Program  
Saringan Kesihatan PERKESO peringkat kebangsaan pada petang ini.

3. Majlis ini cukup bermakna kepada saya dan ia memperlihatkan usaha murni kerajaan menerusi  
Kementerian Sumber Manusia bersama sektor swasta bagi terus memelihara dan menjaga  
kebijakan rakyat.

Hadirin yang Dihormati sekalian,

4. Permasalahan kesihatan khususnya penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan kanser adalah isu global yang serius, dan membimbangkan dewasa kini. Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2008 telah melaporkan kira-kira 36 juta iaitu 63% dari jumlah kematian di dunia adalah berpunca dari penyakit tidak berjangkit.

5. Di Malaysia, berdasarkan Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia hasil dari Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS), menunjukkan jumlah rakyat Malaysia yang mengidap penyakit tidak berjangkit ini semakin meningkat setiap tahun. Misalnya, pada tahun 2011, pengidap penyakit kencing manis di negara ini telah meningkat kepada 15.2% iaitu dianggarkan seramai 2.6 juta.

6. Begitu juga penyakit darah tinggi turut meningkat kepada 32.7% iaitu yang melibatkan anggaran 5.8 juta orang. Selain itu, 6.2 juta orang dianggarkan mempunyai masalah kandungan kolestrol darah yang tinggi dan 2.5 juta dengan masalah obesiti.

Hadirin yang Dihormati Sekalian,

7. Kerajaan memandang serius mengenai perkara ini kerana rakyat yang sihat dan produktif merupakan faktor paling utama dalam usaha melonjakkan pembangunan sosio-ekonomi bagi institusi keluarga, khususnya, dan negara amnya.

8. Kerajaan juga sedar usaha menjayakan agenda transformasi yang dapat memartabatkan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 amat bergantung kepada modal insan dan tenaga kerja yang berupaya serta sentiasa aktif.

9. Sehubungan itu, menerusi inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia, dan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia, Pelan Strategik MySihat 2013-2017 telah dapat dihasilkan yang merangkumi panduan bagi komuniti dan rakyat mengambil tindakan proaktif dalam mengurangkan faktor risiko untuk penyakit tidak berjangkit dengan mengamalkan budaya hidup sihat.

Hadirin sekalian,

10. Kesungguhan Kerajaan dalam menangani isu penyakit tidak berjangkit, khususnya bagi pekerja-pekerja di Malaysia, turut diberi perhatian dalam Belanjawan Negara 2013. YAB Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak - dalam sesi pembentangan Bajet Negara 2013 yang bertema "Memakmurkan Negara, Mensejahterakan Rakyat : Sebuah Janji Yang Ditepati" yang lalu, telah memberi tumpuan kepada aspek meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan pekerja-pekerja.

11. Sehubungan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi melaksanakan Program Saringan Kesihatan PERKESO secara percuma kepada pekerja sektor swasta yang memberi manfaat kepada seramai 1.9 juta pekerja di negara ini.

12. Pelaksanaan program saringan kesihatan ini juga selari dengan kenaikan umur minima persaraan kepada 60 tahun bagi pekerja swasta yang akan bermula pada 1 Julai 2013. Selaras dengan peningkatan umur persaraan ini, kerajaan sedar bahawa perlunya merencana langkah-langkah mempromosikan kesedaran kesihatan bagi memastikan kesihatan yang optimum kepada para pekerja untuk terus produktif bagi kestabilan ekonomi diri dan keluarga.

Hadirin sekalian,

13. Kesihatan pekerja bukan sahaja dipengaruhi oleh persekitaran di tempat kerja tetapi juga oleh faktor sosial dan individu serta akses kepada perkhidmatan berkaitan kesihatan. Justeru bagi memastikan kesihatan pekerja sentiasa terjamin, menjadi satu hasrat penting Kerajaan mengutamakan kesedaran bagi mewujudkan budaya sihat dan selamat yang bertujuan menyelamatkan nyawa, dan mengurangkan kos perubatan yang ditanggung oleh masyarakat itu sendiri.

14. Kepentingan pemeriksaan kesihatan ini perlu diberi perhatian khusus oleh majikan dan pekerja di negara ini. Ramai dikalangan rakyat kita pada hari ini masih tidak menitik-beratkan aspek pemeriksaan kesihatan, dan menganggap mereka tidak mempunyai penyakit sehinggalah penyakit tersebut menjadi kronik. Ditahap ini, pastinya yang turut menerima kesan dan tekanan bukan sahaja pekerja dan organisasi, tetapi keluarga yang tersayang.

15. Oleh itu, melalui Program Saringan Kesihatan yang percuma ini, Kerajaan memberi peluang dan ruang kepada pekerja-pekerja yang telah layak untuk mendapatkan diagnosis sesuatu penyakit menerusi langkah pencegahan dan rawatan awal bagi mempertingkatkan peluang seseorang itu untuk menikmati hidup berkualiti yang lebih lama, dan produktif terutamanya dalam menjalani aktiviti kehidupan serta tugas harian mereka.

16. Kerajaan juga berharap para majikan terus komited dan dapat memainkan peranan aktif, terutamanya dalam memberi sokongan kepada pekerja-pekerja menerusi:

- pelaksanaan program-program yang menjurus kepada informasi budaya hidup sihat dan aktiviti riadah yang berkesan;
- penyediaan kemudahan rekreasi; dan
- Inisiatif menggalakkan pemeriksaan kesihatan.

Hadirin Sekalian,

17. Program Saringan Kesihatan PERKESO ini adalah merupakan salah satu Konsep Promosi Kesihatan di tempat kerja. Saya yakin hasil daripada promosi kesedaran kesihatan di tempat kerja ini juga akan menyumbang kepada prestasi organisasi dalam jangka panjang serta menjadikan organisasi lebih berdaya saing dan kompetitif. Ini seterusnya akan memberi manfaat besar kepada agenda pembangunan Negara.

18. Justeru, inisiatif program Saringan Kesihatan ini adalah tepat pada masanya, dan akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat samada pekerja, sektor swasta, dan negara.

19. Saya turut menyeru kepada semua pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan, Syarikat-syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC), dan Badan-badan bukan Kerajaan (NGO), mengambil peranan masing-masing, dan bekerjasama dengan PERKESO bagi menjana dan menjayakan program-program seperti ini secara berterusan.

20. Kerajaan menghargai usaha-usaha yang dihasil dan dilaksanakan oleh kepimpinan dan warga PERKESO sekian lama. PERKESO hari ini bukan sahaja dilihat sebagai agensi pembayar pampasan apabila sesuatu kemalangan/keilatan berlaku, tetapi kini telah mengorak langkah proaktif dengan melakukan transformasi iaitu memfokuskan aspek pencegahan melalui pelbagai program baru yang diperkenalkan.

21. Saya telah dimaklumkan bahawa usaha-usaha ini turut mendapat pengiktirafan dari badan antarabangsa ISSA (International Social Security Association) khususnya anugerah ISSA Good Practice Award For Asia And Pacific 2012 bagi program Return To Work, dan Commuting Accident Prevention Plan. Saya yakin pengiktirafan ini akan menyuntik semangat warga PERKESO untuk terus gigih menjana pelbagai lagi inisiatif, dan program baru bagi manfaat ahli-ahlinya. Tahniah dan Syabas !

22. Di kesempatan ini saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO yang telah sudi mengundang saya bagi melancarkan Program yang amat bermakna pada petang ini, dan tahniah di atas perlaksanaan Program Saringan Kesihatan Peringkat Kebangsaan ini.

23. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Persatuan Majikan Malaysia, dan tidak dilupakan juga Freescale Semiconductor Sdn Bhd selaku tuan rumah di atas sokongan padu yang diberikan dalam menjayakan program ini.

24. Akhir kata, saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim dengan rasminya melancarkan Program Saringan Kesihatan PERKESO Peringkat Kebangsaan.

Sekian terima kasih.